



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAWATAN KERJA RASMI YB MENTERI KANAN KERJA RAYA KE NEGERI KELANTAN PADA 16 DAN 17 OKTOBER 2021 BAGI MENINJAU PELAKSANAAN PROJEK JALAN KOTA BHARU KE KUALA KRAI (KBKK) DAN JALAN CENTRAL SPINE

KOTA BHARU, KELANTAN – Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah mengadakan lawatan kerja ke negeri Kelantan untuk meninjau pelaksanaan projek Jalan Kota Bharu Ke Kuala Krai (KBKK) dan Jalan *Central Spine*. Pada lawatan tersebut, Menteri Kanan Kerja Raya telah diberi taklimat dan status pelaksanaan projek oleh Jabatan Kerja Raya. Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan.

Untuk makluman, peruntukan yang diluluskan bagi Negeri Kelantan di dalam RMKe-12 (2021-2025) bagi *Rolling Plan* 1 (2021) adalah sebanyak RM1,836.6 juta melibatkan pecahan Jalan *Central Spine* (RM1,307.6 juta), KBKK (RM300 juta) dan jalan Persekutuan (RM229 juta).

Status projek Jalan *Central Spine* dari Bentong ke Kuala Krai, sehingga kini sepanjang 90 kilometer (30%) daripada keseluruhan 299 kilometer yang diluluskan oleh EPU telah disiapkan. Manakala bagi projek KBKK sehingga 30 September 2021, KKR telah berjaya menyiapkan 13.9 kilometer daripada 67.6 kilometer (21%) melibatkan Pakej 1B (dari Pasir Hor ke Kadok) dan Pakej 2A (dari Kadok ke Ketereh).

Bagi pelaksanaan projek KBKK pada tahun 2021, KKR telah memuktamadkan proses perolehan untuk tiga (3) lagi subpakej melibatkan Pakej 2C (Kok Lanas ke Machang) dan Pakej 3A (Machang ke Bukit Tiu) dengan sepanjang 19.13 kilometer, yang dilaksanakan dalam satu kontrak, Pakej 3B (Kg. Berangan Mek Nab ke Keroh) sepanjang 9.8 kilometer dan Pakej 3C (Keroh ke Kuala Krai) sepanjang 8.6 kilometer.

Selain itu, terdapat satu (1) pakej KBKK iaitu Bukit Tiu ke Kg. Berangan Mek Nab atau dahulunya dikenali sebagai Lebuhraya Rakyat yang masih di peringkat perancangan. Makmal Pengurusan Nilai (*Value Assessment* - VA) telah diadakan pada 4-6 Oktober 2021 dan dijangka proses perolehan akan dapat diselesaikan pada suku pertama tahun 2022.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

M A L A Y S I A

KENYATAAN MEDIA

Mengikut perancangan, keseluruhan projek KBKK dan Jalan Central Spine akan disiapkan selewat-lewatnya pada akhir tahun 2025. Ini bermakna pengguna dari Lembah Kelang ke Kota Bharu dan sebaliknya akan menikmati perjalanan yang lebih selesa dan selamat apabila keseluruhan projek Jalan Central Spine termasuk laluan Kota Bharu – Kuala Krai ini disiapkan. Selain itu, tempoh masa perjalanan juga dijangka akan lebih singkat iaitu 4.5 jam sahaja berbanding 7 hingga 8 jam pada masa kini.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
16 OKTOBER 2021

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY [KEMENTERIAN KERJA RAYA](https://www.facebook.com/KEMENTERIAN.KERJA.RAYA) [KKR_MALAYSIA](https://www.instagram.com/KKR_MALAYSIA) [@MOWORKS](https://twitter.com/MOWORKS) [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](https://www.youtube.com/channel/UCX9tq5DzL8T6pYU0W0v0u0g)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur